

A. AIDA (kiri) bertindak sebagai panel Sesi Kongsi Cerita untuk DFKL 2019.



PENGARAH Along Kamaludin serius memilih bakat-bakat untuk kelangsungan anak seni industri tanah air.

DFKL 2019 buka tirai

SIRI jelajah Drama Festival Kuala Lumpur (DFKL) 2019 bahagian pertama yang memasuki tahun keenam penganjurannya telah berlangsung dengan jayanya di tiga buah institusi pengajian tinggi terpilih negara baru-baru ini.

Bermula dengan Management & Science University (MSU), Shah Alam, Selangor pada 1 Mac lalu, siri jelajah diteruskan ke Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur pada 2 Mac dan seterusnya ke Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor pada 3 Mac dengan menerima lebih daripada 300 penyertaan menerusi pelbagai aktiviti yang dianjurkan.

Lebih meriah, jerayawara DFKL 2019 turut diriuhan dengan kehadiran pengarah-pengarah tersohor seperti Along Kamaludin dan Heykal Hanifah yang bertindak selaku juri tetap sesi uji bakat selain Datuk A. Aida sebagai panel Sesi Kongsi Cerita.

Bukan setakat itu, kemeriahannya ditambah dengan kehadiran kedua-dua duta DFKL 2019, Izzue Islam dan Janna Nick yang senantiasa menyebarkan mesej slogan 'Positif Selalu' kepada para peserta yang hadir.

Menurut Pengurus Besar, Kumpulan Pengurusan Jenama dan Rancangan TV3 & TV9, Siti Nurlisia Mohd. Nazri, pihaknya amat berbangga dengan sambutan yang diterima daripada mahasiswa dan mahasiswi universiti sepanjang program berlangsung.

"Kami sebenarnya kembali membuat siri jelajah ini di universiti kerana sudah dua tahun kami lakukan sesi uji bakat DFKL di pusat beli-belah



DUTA DFKL 2019, Izzue Islam (kiri) turut terlibat dalam sesi uji bakat yang diadakan.

SIRI jelajah DFKL 2019 akan diteruskan di Sri Pentas Bandar Utama, Petaling Jaya dan pusat beli-belah IOI City, Putrajaya.

dan majoriti peserta adalah daripada golongan pelajar. Oleh itu, kali ini kami bawakan siri jelajah DFKL 2019 ke 'rumah' mereka sendiri.

"Menariknya, buat pertama kali, kami menambah satu lagi aktiviti iaitu Sesi Pencarian Influencer baharu. Dalam era yang serba digital ini, kami mula mencari bakat individu yang fasih membuat reviu dan aktif menggunakan laman media sosial mereka," katanya dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

Jelas Siti Nurlisia, antara kelebihan yang akan diperolehi apabila menyertai kumpulan influencer tersebut adalah mereka akan diberikan pendedahan eksklusif tentang industri hiburan seperti hadir ke majlis anugerah berprestij, menyertai sesi penggambaran drama, menonton seluruh siri drama secara lebih awal daripada yang lain dan banyak lagi.

Sementara itu, juri tetap sesi uji bakat DFKL 2019, Heykal memberitahu, rata-rata peserta yang hadir

sememangnya berani untuk tampil ke hadapan dan menunjukkan bakat mereka, namun mereka belum biasa atau mungkin tidak pernah lagi bekerja di depan kamera.

"Pesanan saya kepada bakal peserta uji bakat DFKL ini, pertamanya mereka hendaklah bersedia dengan situasi yang hendak dipersembahkan kepada kami.

"Mereka harus berlatih di rumah sebelum tampil di hadapan saya dan Along. Mereka juga harus sediakan situasi-situasi back up sekiranya kami minta untuk menunjukkan emosi lain. Namun, ia menjadi lebih mudah sekiranya mereka dapat merangkumkan dua atau tiga emosi dalam satu situasi. Kami juga membenarkan pelakon-pelakon jemputan untuk membantu mereka ketika uji bakat," ujarnya.

Pada masa sama, panel tetap Sesi Kongsi Cerita DFKL 2019, A. Aida berkata, tidak dinafikan banyak idea dan cerita yang menarik dikongsikan oleh para peserta, namun kebanyakannya daripada mereka hanya berkongsi logline atau ringkasan

sinopsis tanpa menceritakan perkembangan plot, watak dan klimaks cerita mereka. Ia amat merugikan kerana mereka mempunyai idea yang menarik untuk dijadikan telefilem.

Selain daripada siri jelajah DFKL, Malam Anugerah DFKL 2019 yang akan bersiaran langsung pada 7 April nanti menampilkan sembilan kategori yang akan dipertandingkan dan telah dibuka untuk undian di laman sesawang www.dfkl.com.my bermula 1 Februari yang lalu hingga 25 Mac depan.

Kategori-kategori tersebut adalah Aktor Pilihan, Aktres Pilihan, Antagonis Pilihan, Pengarah Pilihan, Penulis Skrip Pilihan, Lagu Pilihan, Pasangan Pilihan, Drama Pilihan dan Drama Rantaian Bahasa Cina.

Siri jelajah DFKL 2019 akan diteruskan pada 9 dan 10 Mac bertempat di Sri Pentas Bandar Utama, Petaling Jaya, Selangor serta 16 dan 17 Mac di pusat beli-belah IOI City, Putrajaya dengan menampilkan artis jemputan seperti Ashraf Muslim, Fasha Sandha, Aidil Aziz, Nadia Brian, Ika Nabieela, Tasha Shilla dan Mona Allen.

Oleh
SAIRUL ZAMRI
MISRANI

Foto
IHSAN MEDIA
PRIMA